



**SIARAN MEDIA**  
**PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

---

**289,587 PEMINJAM PTPK BERPELUANG NIKMATI MANFAAT  
SEMPENA KEMPEN PROMOSI BAYARAN BALIK 2025 &  
PENGUMUMAN PEMENANG CABUTAN BERTUAH MEGA 2024**

---

**KUALA LUMPUR, 13 Februari 2025** – Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) terus memperkukuh peranannya sebagai peneraju pembiayaan latihan kemahiran sepanjang 25 tahun penubuhannya dengan melancarkan **Kempen Promosi Bayaran Balik PTPK Tahun 2025**. Majlis berprestij ini berlangsung di **Dewan Tun Dr. Ismail, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur** yang akan disempurnakan oleh **YB Encik Steven Sim Chee Keong Menteri Sumber Manusia** dan turut menyempurnakan cabutan bertuah Mega akhir bagi tahun 2024.

Sebagai institusi yang menjana modal insan berkemahiran, PTPK sentiasa komited dalam memastikan akses pendidikan TVET yang mampan dan berdaya saing. Selaras dengan prinsip MADANI, kempen ini digerakkan bagi menggalakkan peminjam menunaikan tanggungjawab membayar balik pinjaman sekaligus menyokong kesinambungan dana latihan kemahiran untuk generasi seterusnya.

**LIMA KEMPEN PROMOSI ISTIMEWA BAYARAN BALIK – GANJARAN MENARIK MENANTI!**

PTPK memperkenalkan lima kategori cabutan bertuah yang menawarkan ganjaran lumayan kepada peminjam yang bertuah iaitu:

1. **Promosi Cabutan Bertuah Mega Sempena Sambutan Jubli Perak PTPK (25 Tahun)** – Menghargai peminjam dengan peluang memenangi hadiah eksklusif.
2. **Promosi Cabutan Bertuah Portal MYPerkasa TVET** – Menyokong digitalisasi, peminjam yang mendaftar, mengemas kini maklumat atau membuat bayaran awal berpeluang menyertai cabutan bertuah dan memenangi hadiah menarik.
3. **Promosi Sempena Perayaan & Hari Kebesaran Negara** – Kempen khas sebagai penghargaan kepada peminjam yang komited membayar balik pinjaman.
4. **Promosi Bayaran Penuh Melalui Akaun KWSP** – Peluang cabutan khas bagi peminjam yang melunaskan baki pinjaman melalui Akaun KWSP.
5. **Promosi Bayaran Balik Melalui Kad Debit & Kredit** – Peminjam yang membuat bayaran melalui kad turut berpeluang memenangi hadiah istimewa.

PTPK akan mengumumkan insentif istimewa dari semasa ke semasa bagi menggalakkan peminjam kekal peka dan berinteraksi dengan PTPK sepanjang kempen promosi ini berlangsung.

## CABUTAN BERTUAH MEGA 2024 – 16 PEMENANG BAKAL DINOBATKAN!

Majlis ini akan turut menyaksikan pengumuman **16 pemenang bertuah** sempena Cabutan Bertuah Mega Bagi Tahun 2024 yang bakal menerima hadiah istimewa seperti yang berikut:

- **Hadiah Utama: Sebuah Motosikal Yamaha Y16ZR**
- **Hadiah Kedua: 2 unit iPhone**
- **Hadiah Ketiga: 3 unit komputer riba (laptop)**
- **10 Hadiah Saguhati berupa barangan elektrik dan elektronik**

Cabutan nama pemenang utama akan dibuat cabutan sendiri oleh **YB Menteri Sumber Manusia**. Program ini adalah sebahagian daripada komitmen PTPK dalam memperkukuh dan menggalakkan budaya bayaran balik bagi memastikan kesinambungan dana untuk pelatih TVET akan datang.

Dengan adanya insentif dan promosi ini, peminjam bukan sahaja dapat melunaskan tanggungjawab mereka tetapi juga berpeluang membawa pulang hadiah lumayan sebagai penghargaan atas kesedaran bayaran balik mereka. **PTPK sentiasa menerajui usaha memperkasakan TVET untuk masa depan negara melalui kelestarian dana Latihan TVET**. Majlis ini turut di hadiri oleh Pengerusi PTPK, YB Zahir Hassan, Timbalan Pengerusi PTPK, YB Rajiv Rishyakaran dan Ketua Eksekutif PTPK, Encik Mohd Fathullah Mustafa.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen ini, sila layari portal rasmi PTPK di [www.ptpk.gov.my](http://www.ptpk.gov.my) atau hubungi talian khidmat pelanggan PTPK.

**-TAMAT-**

---

Disediakan oleh: Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran  
13-02-2025

[www.ptpk.gov.my](http://www.ptpk.gov.my) | Tel: 03-4051 6000 | Faks: 03-4047 6142 | e-mel: [skillsfund@ptpk.gov.my](mailto:skillsfund@ptpk.gov.my)